

Headline	Diskaun bil elektrik 2.9 juta pengguna		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	30 Jun 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	23
ArticleSize	126 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 14,835		



Diskaun bil elektrik 2.9 juta pengguna

Kuala Lumpur: Seramai 2.9 juta pengguna elektrik domestik di Semenanjung Malaysia yang menggunakan elektrik bulanan sebanyak 200 kilowatt jam (kWj) bakal menikmati diskaun sebanyak 40 peratus.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, seramai 1.4 juta pengguna domestik yang menggunakan elektrik bulanan antara 201 hingga 300kWj pula akan mendapat diskaun sebanyak 15 peratus.

Selain itu katanya, seramai 2.4 juta pengguna domestik dengan penggunaan elektrik di antara 301 hingga 600kWj akan menerima diskaun sebanyak 10 peratus.

"Ia berdasarkan pengumuman dibuat oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan), semalam.

"Pengumuman itu memaklumkan tentang pemberian diskaun bil elektrik

secara bersasar kepada pengguna domestik dan bukan domestik di semenanjung dan Sabah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi pengguna bukan domestik di Semenanjung pula, kerajaan bersejaja untuk memberikan diskaun sebanyak lima peratus kepada pengguna elektrik di bawah kategori tarif komersial, industri dan pertanian di bawah voltan rendah.

"Pemberian diskaun ini diharap dapat membantu pengusaha kecil dan sederhana (PKS) mengurangkan kos operasi mereka," katanya.

Shamsul Anuar berkata, pengguna elektrik dalam enam sektor perniagaan terpilih di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (Pemerakasa+) pula akan terus menerima diskaun sebanyak 10 peratus dalam tempoh yang sama.